

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AAW 312 - Perakaunan Kewangan Pertengahan II

Masa: [3 Jam]

ARAHAN :

Sila pastikan bahawa kertas soalan peperiksaan ini mengandungi **TUJUH (7)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- (a) Piawai Perakaunan Antarabangsa No. 25, "Perakaunan Untuk Pelaburan", membenarkan pelaburan dikelaskan sebagai aset semasa harus direkod di dalam kunci kira-kira pada terendah di antara kos dan nilai pasaran. Bagaimanakah amaun angkut pelaburan ini ditentukan?
- (b) Pelaburan jangka panjang kadang-kala dikelaskan sebagai pelaburan semasa. Apakah nilai ia dipindahkan?
- (c) Pelaburan jangka panjang kadang-kala direkod pada amaun dinilai semula. Senaraikan apakah yang harus didedahkan di nota kepada akaun berhubung dengan butiran tersebut.
- (d) Tiger Sdn Bhd mempunyai pelaburan berikut pada 1 Januari 1999:

	Pelaburan jangka panjang	Pelaburan jangka pendek
	RM'000	RM'000
Disenaraikan, pada kos	48,800	3,240
Tidak disenaraikan, pada kos	29,400	-

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 1999, urusan berikut telah berlaku:

- i) Pelaburan jangka pendek disenaraikan telah dijual dengan RM3,000,000 sebelum ditolak yuran broker dan lain-lain caj (RM180,000).

...2/-

- ii) Pelaburan jangka panjang tidak disenaraikan telah mengalami pengurangan nilai kekal ("permanent diminution") sebanyak RM7,200,000 di dalam nilai bukunya.
- iii) Pelaburan jangka panjang telah mengalami penukaran saham ("share swap exercise") dan telah ditukar dengan saham baru di Newco Berhad, sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Nilai saksama saham baru ialah RM60,000,000. Lembaga pengarah Tiger Sdn Bhd memutuskan bahawa pelaburan di dalam Newco Berhad harus dikelaskan sebagai pelaburan jangka pendek.

Dikehendaki:

Kira dan terangkan penyelesaian perakaunan bagi setiap urusan di atas.

[20 markah]

Soalan 2

Berikut adalah Kunci kira-kira dan Akaun Untung dan Rugi Putra Berhad:

Kunci kira-kira seperti pada 30 September		
	1999 RM'000	1998 RM'000
Aset tetap	82,140	65,826
Aset semasa:		
Inventori	18,300	15,560
Akaun belum terima	13,008	12,682
Simpanan tetap	20,000	-
Tunai dan baki bank	2,210	2,120
	53,518	30,362
Liabiliti semasa:		
Akaun belum bayar	14,457	13,812
Dividen dicadangkan	5,500	4,500
Cukai	380	109
	20,337	18,421
Aset semasa bersih	33,181	11,941
	115,321	77,767

Dibiayai oleh:

Saham biasa

saham biasa, nilai par RM1.00 setiap saham	55,000	45,000
Premium saham	42,667	2,667
Perolehan tertahan	17,654	20,100
	<u>115,321</u>	<u>67,767</u>
Hutang jangka panjang	-	10,000
	<u>115,321</u>	<u>77,767</u>

Akaun Untung dan Rugi
bagi tahun berakhir 30 September 1999

	RM'000
Jualan	<u>77533</u>
Untung sebelum cukai	6184
Cukai	<u>380</u>
Untung selepas cukai	5804
Perolehan tertahan, 1.10.98	<u>20100</u>
	25904
Dividen	8250
Perolehan tertahan, 30.9.99	<u>17654</u>

Anda diberi maklumat tambahan berikut:

- 1) Pada bulan Januari, pemegang berdaftar 1 juta waran telah melaksanakan guna hak mereka dan melanggan 1 juta saham biasa baru. Harga langgan bagi saham biasa baru ialah RM5.00 bagi setiap saham biasa.
- 2) Putra Berhad telah membuat terbitan hak pada nisbah 1:5 pada harga terbitan RM5.00 setiap saham pada tiga bulan pertama tahun kewangan 1999. Belanja berhubung dengan terbitan hak berjumlah RM1,000,000. Semua saham baru berhak mendapat dividen yang diistiharkan kemudian.
- 3) Peruntukkan cukai semasa ialah berhubung faedah diterima. Tiada caj cukai dikenakan berkaitan dengan operasi syarikat tahun semasa disebabkan penggunaan elaun modal yang belum diserap.

...4/-

- 4) Untung sebelum cukai termasuk butiran berikut:

	RM'000
Susutnilai aset tetap	9,083
Hutang lapuk dihapuskira	402
Inventori usang dihapuskira	317
Faedah dibayar atas hutang jangka panjang	213
Faedah diterima	1,259
Laba dari jualan aset tetap	871
Belanja terbitan saham dihapuskira	1,000
Kos barang dijual	47,410
Upah dan lain-lain belanja operasi	15,054

- 5) Sepanjang tahun kewangan 1999, Putra Berhad telah menjual loji dan alatan di mana jumlah nilai buku bersih sebanyak RM2,460,000. Susutnilai tidak diperuntukkan atas aset pada tahun jualan berlaku.
- 6) Putra Berhad telah mengistiharkan dividen akhir sebanyak 10% pada bulan Disember dan telah membayar dividen interim sebanyak 5% sepanjang tahun.

Dikehendaki:

- a) Sediakan Penyata Aliran Tunai bagi Putra Berhad, dengan menggunakan kaedah langsung, bagi tahun berakhir 30 September 1999 yang mematuhi Piawai MASB 5.
- b) Apakah kebaikan dan kekangan Penyata Aliran Tunai.

[25 markah]

Soalan 3

- a) Jelaskan muhibbah mengikut Piawai Perakaunan Malaysia No. 6?
- b) Bagaimanakah muhibbah dibeli positif dan muhibbah dibeli negatif boleh wujud? Beri contoh.
- c) Apakah penyelesaian perakaunan (di penyata kewangan) bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 dan kesannya ke atas YSK Berhad tentang:
- i) muhibbah dibeli positif sebanyak RM100,000,000 pada 1.1.1999 ?
- ii) muhibbah dibeli negatif sebanyak RM500,000 pada 1.1.1999?

[15 markah]

...5/-

Soalan 4

Asas penilaian bagi inventori Tarzan Berhad ialah kos atau nilai realis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan secara masuk dulu, keluar dulu (MDKD). Tarzan Berhad menjual barangannya pada harga tetap pada 50% lebih tinggi daripada harga belian. Belanja jualan ialah RM2.00 seunit.

Pengiraan inventori secara fizikal pada 31 Disember 1999 menunjukkan bahawa 500 unit inventori masih belum dijual dan 100 unit barangan yang telah dibeli pada 1 September 1999 telah mengalami sedikit kerosakkan akibat kebakaran. (Barangan tersebut telah dijual pada bulan Februari 2000 pada RM10.00 seunit).

Inventori awal pada 1 Januari 1999 terdiri daripada 400 unit dengan harga belian RM1.00 seunit. Belian sepanjang tahun 1999 ialah seperti berikut:

1.3.99	500 unit pada RM1.00 seunit
1.6.99	400 unit pada RM11.50 seunit
1.9.99	400 unit pada RM12.00 seunit
1.12.99	300 unit pada RM12.50 seunit

Selain dari harga belian di atas, Tarzan Berhad melibatkan kos pengangkutan masuk RM1.00 seunit dan kos simpanan bulanan ialah RM1.00 seunit.

Dikehendaki:

a) Tentukan nilai inventori akhir pada 31 Disember 1999 yang memenuhi keperluan Piawai MASB 2 berhubung dengan inventori.

b) Bagaimanakah maklumat berhubung dengan inventori akhir akan ditunjukkan di penyata kewangan Tarzan Berhad.

[10 markah]

c) Pengerusi lembaga pengarah James Bond Berhad tidak memahami beberapa istilah perakaunan yang telah diberi di bawah. Sebagai akauntan syarikat tersebut, anda dikehendaki menerangkan secara ringkas secara memo kepada pengerusi tersebut. Pilih 5 sahaja.

- i) pendedahan sepenuh di dalam pelaporan kewangan
- ii) kaedah tidak langsung (bagi Penyata Aliran Tunai)
- iii) inti berbanding dengan bentuk ("substance over form")
- iv) kaedah runcit dalam anggaran inventori
- v) permodalan kos perkembangan

...6/-

- vi) perakaunan bagi hartanah pelaburan
- vii) penyelesaian perakaunan bagi perubahan anggaran perakuanan
- viii) kaedah retroaktif bagi perubahan polisi perakaunan

[10 markah]

Soalan 5

Pengilang Cahaya Mata Berhad (PCMB) mengeluarkan sebuah mesin pad kos RM100,000 dan memajaknya kepada P Berhad pada 1 Januari 1999. Perjanjian pajakan memeperuntukkan tempoh pajakan 5 tahun yang tidak boleh dibatalkan. Sewa tahunan sebanyak RM28,988 akan dibayar pada 1 Januari setiap tahun mulai 1 Januari 1999. Nilai pasaran saksama mesin pada 1 Januari 1999 ialah sebanyak RM125,000. Sewa tahunan sebanyak RM28,988 didapati berdasarkan kadar pulang dikehendaki oleh PCMB sebanyak 8% setahun. Mesin dijangka mempunyai usiaguna selama 5 tahun dan tidak mempunyai sebarang nilai sisaan pada akhir tempoh usiagunanya.

Dikehendaki:

Di dalam buku PCMB,

- a) Apakah jenis pajakan ini?
- b) Adakah pajakan ini pajakan operasi atau pajakan kewangan dan beri alasan?
- c) Kira pelaburan kasar dan nilai kininya.
- d) Kira pendapatan faedah dan untung kasar.
- e) Sediakan jadual pelunasan pendapatan kewangan.
- f) Catatan jurnal untuk merekod pajakan bagi tahun 1999 dan tahun 2000 sahaja.

[20 markah]

...7/-

Table A Present Value of 1

8%	9%	10%	11%	12%	15%	(n) Periods
.92593	.91743	.90909	.90090	.89286	.86957	1
.85734	.84168	.82645	.81162	.79719	.75614	2
.79383	.77218	.75132	.73119	.71178	.65752	3
.73503	.70843	.68301	.65873	.63552	.57175	4
.68058	.64993	.62092	.59345	.56743	.49718	5
.63017	.59627	.56447	.53464	.50663	.43233	6
.58349	.54703	.51316	.48166	.45235	.37594	7
.54027	.50187	.46651	.43393	.40388	.32690	8
.50025	.46043	.42410	.39092	.36061	.28426	9
.46319	.42241	.38554	.35218	.32197	.24719	10

Table B Present Value of an Ordinary Annuity of 1

8%	9%	10%	11%	12%	15%	(n) Periods
.92593	.91743	.90909	.90090	.89286	.86957	1
1.78326	1.75911	1.73554	1.71252	1.69005	1.62571	2
2.57710	2.53130	2.48685	2.44371	2.40183	2.28323	3
3.31213	3.23972	3.16986	3.10245	3.03735	3.03735	4
3.99271	3.88965	3.79079	3.69590	3.60478	3.35216	5
4.62288	4.48592	4.35526	4.23054	4.11141	3.78448	6
5.20637	5.03295	4.86842	4.71220	4.56376	4.16042	7
5.74664	5.53482	5.33493	5.14612	4.96764	4.48732	8
6.24689	5.99525	5.75902	5.53705	5.32825	4.77158	9
6.71008	6.41766	6.14457	5.88923	5.65022	5.01877	10

Table C Present Value of an Annuity Due of 1

8%	9%	10%	11%	12%	15%	(n) Periods
1.00000	1.00000	1.00000	1.00000	1.00000	1.00000	1
1.92593	1.91743	1.90909	1.90090	1.89286	1.86957	2
2.78326	2.75911	2.73554	2.71252	2.69005	2.62571	3
3.57710	3.53130	3.48685	3.44371	3.40183	3.28323	4
4.31213	4.23972	4.16986	4.10245	4.03735	3.85498	5
4.99271	4.88965	4.79079	4.69590	4.60478	4.35216	6
5.62288	5.48592	5.35526	5.23054	5.11141	4.78448	7
6.20637	6.03295	5.86842	5.71220	5.56376	5.16042	8
6.74664	6.53482	6.33493	6.14612	5.96764	5.48732	9
7.24689	6.99525	6.75902	6.53705	6.32825	5.77158	10

